

Pendidik

Membina Generasi Berhemah Tinggi

Tahun 27*
BIL. 116
Isu 2 / 2016

HIJRAH KEPADA KEBAIKAN

MAAL HIJRAH
YANG MULIA

BAGAIMANA
PAKAIAN DIBUAT?



ISSN 0128-2247



9 770128 224008

PERCUMA

Sidang Redaksi

PENAUNG

Tan Sri Dato' Hj. Othman bin Mustapha
Ketua Pengarah Jakim

PENASIHAT

Hj. Paimuzi bin Yahya
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Insan Jakim)

KETUA PENGARANG

Hj. Hashim bin Hj. Salleh
Zainab binti Ab Rahman

PENGARANG

Nor Simah binti Khalim

PENYUNTING

Baharuddin bin Malek
Nor Hashimah binti Embong
Wan Nadzirah binti Wan Mohamad
Siti Kasmah binti Kassim

PEMBANTU PENGARANG

Mohd Nasuha bin Aman @ Abd Rahman

REKABENTUK & PERCETAKAN

Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (164242-W)

PENGURUS EDARAN

Mohd Rashidi Mohd Jamil

PEMBANTU EDARAN

Erniza binti Mat Kassim
Mohd Shuhaidil bin Shukri

E-MEL

didik@islam.gov.my

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang manapun bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jakim.

PENDIDIK diterbitkan secara dwibulanan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mulai 1989/1410H- Sidang pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirim selagi tidak mengubah isi kandungannya. Segala sumbangan yang dikirim tidak akan dikembalikan, sama ada disiarkan ataupun tidak. Sidang pengarang juga tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirim melalui pos.

Dari Meja Pengarang

Assalamualaikum, adik-adik kita bertemu lagi bagi tahun baharu Islam 1438H. Adakah azam adik-adik sudah tercapai tahun ini? Sekiranya masih belum tercapai, adik-adik masih lagi berpeluang untuk mencapainya, insya-Allah. Adik-adik Allah SWT ada berfirman dalam surah al-Hasyr ayat 18 yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali) lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan."

Sebagai hamba Allah SWT, gunakan masa itu dengan sebaik-baiknya. Jagalah hubungan kita dengan Allah SWT, hubungan sesama manusia tidak kira usia. Setiap detik dan saat amat berharga. Allah SWT memerintahkan setiap hamba-Nya agar selalu bermuhasabah diri dengan meningkatkan keimanan serta ketakwaannya kepada Allah SWT. Sesungguhnya yang baik itu datang daripada Allah SWT dan yang buruk itu datang daripada kelemahan diri manusia itu sendiri. Wallahu'l'am.



Kandungan



MUTIARA HADITH

2

- Bersedekah dengan Makanan

FARDU AIN/KIFAYAH

3-5

- Belajar Tauhid: Maal Hijrah yang Mulia
- Adab Islamiah: Adab Zikrullah
- Tafhimul Quran: Hijrah kepada Kebaikan

ULUL ALBAB

6-9

- Anatomi/Perubatan: Makanan yang Baik
- Sains, Teknologi & Alam Sekitar: Panahan Kilat
- Doa Agar Dapat Mengawal Diri daripada Sifat Panas Baran

TAHUKAH ADIK-ADIK

10-11

- Bagaimana Pakaian Dibuat

KHYRA & KHYRI

12-14

- Permulaan Hijrah Rasulullah SAW

KISAH NABI

15-16

- Menyingkap Rahsia di Sebalik Perbuatan

SOAL JAWAB AGAMA

17

- Bersama Ustazah Nor Simah



LEBAI CILIK

18-19

- Misteri Ayam Beracun (Bab 5: Siri 14)

MOTIVASI & INSPIRASI

20

- Erti Sebenar Maal Hijrah

TIP ADIK HEBAT

21

- Mengajak Kebaikan dengan Berhijrah

BERSAMA KAK KUSYI

22

- Tolong-menolong Amalan Mulia

CINTA RASUL

23

- Indahnya Keperibadian Rasulullah SAW

PEDOMAN

24

- Jom Hijrah

KARYA PEMBACA

25-26

- Cerpen: Maafkan Saya, Ibu!

FABEL

27-29

- Cuti yang Memberi Pahala

SAYA SUKA BACA JAWI

30-32

- Bersama Pak Syarif

BELAJAR BAHASA MANDARIN

33-34

- Tema: Maal Hijrah

BORANG LANGGANAN

35

- Iklan Langganan Pendidik

BORANG KAJI SELIDIK

36

- Borang Kaji Selidik Pembaca Pendidik

TEKA SILANG KATA

37

- Teka Silang Kata 2

PERADUAN MEWARNA

38

- Tema: Maal Hijrah

PERMAINAN UJI IQ

39-41

- Permainan Uji IQ





BerSedekah dengan Makanan

Daripada Abdullah bin Amru bin al-As RA bahawa seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah SAW: "Yang manakah amal yang sebaik-baiknya dalam Islam?" Baginda menjawab: "Hendaklah engkau memberi makan (kepada fakir miskin), dan memberi salam kepada orang yang engkau kenal dan orang yang engkau tidak kenal."

(Hadith riwayat Bukhari, Muslim dan Nasa'i)

Sedekah bermaksud suatu pemberian oleh seseorang Muslim kepada orang lain secara ikhlas atau sukarela tidak kira masa, waktu dan tempat. Tahukah adik-adik sedekah itu bukan hanya terletak kepada duit semata-mata malah sedekah dengan makanan juga dikira sebagai sedekah. Di dalam ayat al-Quran banyak sekali ayat yang menganjurkan kita untuk sentiasa bersedekah. Antaranya Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 114 yang bermaksud: "Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredhaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar."

Sedekah berbeza dengan zakat. Sedekah lebih utama jika diberikan secara diam-diam berbanding dengan zakat diberi secara terang-terangan. Tahukah adik-adik sedekah lebih afdal diberikan kepada kaum keluarga atau sanak saudara sebelum diberikan kepada orang lain. Namun adik-adik kena beringat bahawa sedekah dengan makanan yang halal lagi bersih supaya maksud sedekah tersebut sampai kepada tujuannya.


Bersedekah dengan apa-apa sahaja pun besar pahalanya sebagaimana yang telah disebut di dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 261 yang bermaksud: "Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnian-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya."

Oleh itu, mulai saat ini marilah kita melakukan kebaikan dengan bersedekah kerana sesungguhnya sedekah itu amatlah besar pahalanya.

MAAL HIJRAH YANG MULIA



Ha, tu lah... Bermula malam ni lepas azan solat Maghrib, maka masuklah tahun baharu hijrah 1438. Dah, jom balik cepat! Malam ni datang jemaah di masjid dan baca doa awal dan akhir tahun!



Adab Zikrullah

Manusia dan Zikrullah

- Zikir bermaksud mengingati Allah SWT dengan hati, lisan dan perbuatan.
- Zikir merupakan salah satu cara manusia mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Adik-adik, Allah SWT telah memerintahkan manusia agar melakukan banyak zikir seperti:

Maksudnya: "*Wahai orang-orang yang beriman (untuk bersyukur kepada Allah), ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kamu kepada-Nya pada waktu pagi dan petang.*"

(Surah al-Ahzab, 33:41-42)

Apakah Adab-adab Berzikir?

- Hendaklah dengan hati yang ikhlas dan tawaduk kepada Allah SWT.
- Menyebut lafadz zikir dengan betul dan memahami maksudnya.
- Berzikir dalam keadaan bersih dan suci daripada hadas.
- Zikir dengan lafadz yang terdapat dalam nas al-Quran atau sunah.
- Berasa kehebatan, kekuasaan dan keagungan Allah SWT.
- Menggunakan suara perlahan.
- Perbanyakkan zikir ketika suasana genting.
- Berzikir menggunakan lafadz tertentu mengikut keadaan dan tempat.
- Tidak berzikir semasa qadak hajat (membuang air besar dan air kecil).

Tahukah adik-adik sebab kita perlu beradab ketika berzikir?

- Zikrullah merupakan makanan rohani kepada manusia dalam kehidupan di dunia ini.
- Tidak mengganggu orang lain.
- Untuk mencapai kesempurnaan ibadah.
- Selaras dengan sunah Rasulullah SAW.
- Supaya diterima oleh Allah SWT.
- Berdisiplin dalam beribadah.

Hikmah Beradab ketika Berzikir	Kerugian Orang yang Tidak Berzikir
<ul style="list-style-type: none"> • Dikasihi oleh Allah SWT. • Mendapat ketenangan jiwa. • Mendidik jiwa supaya sentiasa ingatkan Allah SWT. • Mendapat pahala. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kehilangan kekuatan rohani dalam menghadapi masalah dan tanggungjawab dalam kehidupan di dunia. • Terdedah kepada perkara yang dimurkai Allah kerana mudah dikuasai oleh syaitan dan sukar mengawal nafsu. • Berada dalam keadaan resah gelisah. • Lupa kepada tanggungjawab terhadap agama. • Jauh daripada rahmat Allah SWT.

Adik-adik, rugilah kita sebagai manusia jika tidak berzikir kepada Allah SWT. Oleh itu, marilah kita sama-sama mengamalkan zikir dalam hidup seharian kita.

Sumber: Nota minda Pendidikan Islam 2003.



Hijrah kepada Kebaikan

Allah SWT berfirman di dalam surah at-Taubah ayat 20 yang bermaksud: *"Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah dengan harta benda dan diri mereka ialah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah. Dan itulah orang-orang yang mendapat kemenangan."*

Pada kali ini ada satu topik yang menarik ingin dikongsikan bersama adik-adik. Topik tersebut ialah mengenai Maal Hijrah. Maal Hijrah merupakan satu konsep yang merujuk kepada perpindahan suatu tempat.

Dalam sejarah Islam, perkataan hijrah merupakan sunnah Rasulullah SAW bersama para sahabat berhijrah atau berpindah dari Mekah ke Madinah. Bertujuan untuk mempertahankan dan menegakkan risalah Allah SWT iaitu akidah dan syariat Islam.

Berdasarkan kepada apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW itu maka satu iktibar yang perlu diambil ialah kita sebagai umat Islam mestilah berhijrah ke tahap yang lebih baik dari sekarang. Sekiranya kita lemah dalam pekerjaan, kita perlulah berusaha berhijrah dengan belajar lebih tekun dan bersungguh-sungguh supaya pekerjaan kita menjadi lebih baik. Jika kita kurang taat kepada kedua ibu bapa, maka kita hendaklah berhijrah ke arah hubungan yang lebih baik terhadap keduanya. Apa yang paling utama ialah kita perlulah berhijrah untuk memperbaiki hubungan kita dengan Allah SWT.

Justeru, untuk mendapat kejayaan dan kecemerlangan, adik-adik mestilah sentiasa berhijrah ke arah yang lebih baik kerana Allah SWT telah berjanji akan memberikan ganjaran.





Makanan yang Baik



Assalamualaikum adik-adik yang dikasihi Allah SWT sekalian.

Mudah-mudahan adik-adik semua berada dalam limpah rahmat Allah SWT dan kesihatan yang berpanjangan.

Hari ini saya hendak bercerita tentang pemakanan iaitu makanan yang baik membentuk diri kita yang baik. Jadi, selepas adik-adik membaca artikel ini diharapkan adik-adik mengambil berat tentang makanan yang bakal adik-adik makan.

Manusia lahir dalam keadaan yang suci bersih umpama mutiara, yang halus dan kosong. Lalu mutiara indah ini membesar mengikut fitrah kejadiannya dengan menerima ukiran-ukiran yang menempa dirinya. Ukiran itu adalah berupa asuhan ibubapa, adik-beradik dan saudara-mara sekeliling. Mutiara indah itu daripada tidak boleh memahami kepada boleh memahami, daripada tidak boleh bercakap kepada boleh bercakap. Inilah proses pertumbuhan manusia daripada bayi kepada dewasa.

Manusia condong kepada apa yang disuakan. Kalau ia menerima kebaikan dan mengetahui kebaikan, maka ia akan tumbuh di atas kebaikan. Lantaran itu Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan kaum keluargamu daripada api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; dan penjaga-penjaganya adalah malaikat yang kasar, keras dan tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan."

(Surah at-Tahrim, 66: 6)

Kerana itu, membentuk akhlak yang baik bermula daripada awal lagi. Memberi makanan yang halal, susu yang halal dan tidak disuakan dengan benda-benda yang haram serta syubhat. Makanan bukan sahaja memberi kesan kepada fizikal, malah turut mempengaruhi spiritual, emosi, mental dan nafsu seseorang.

Makanan yang kita ambil bukan sekadar untuk mengalas perut tetapi sebagai ibadah kepada Allah SWT yang membentuk takwa. Mengambil makanan yang baik menyumbang kepada akhlak yang mulia, sebaliknya memakan makanan yang haram bererti memasukkan bahan-bahan kotor yang boleh menggelapkan hati, menutup fikiran dan menzahirkan akhlak yang buruk.

Dalam hal pemakanan dan hubungkaitnya dengan kejiwaan seseorang. Hujjatul Islam, Imam al-Ghazali banyak menekankan tentang makanan serta adab-adab pemakanan di dalam membentuk budi pekerti yang mulia. Beliau menulis tentang beberapa perkara bersangkutan makanan dan karakter, "Untuk mengasuh dan menyusui anak-anak, ibu bapa harus menggunakan ibu susuan yang solehah, beragama dan makan makanan yang halal. Sebab susu yang terjadi daripada badan yang haram tidak ada berkahnya. Kalau susu yang berasal daripada bahan haram itu membesarkan anak-anak, akan tercampurlah tabiat anak itu cenderung sejalan dengan hal-hal kejahatan."

(Keajaiban Hati, Imam al-Ghazali)

Justeru, kita harus memilih makanan yang halal lagi baik serta menjauhi makanan yang tidak elok. Di antara makanan yang baik adalah seperti:

- Makanan yang diyakini kehalalannya seperti ayam yang disembelih dengan menyebut nama Allah SWT.
- Sayur-sayuran segar sama ada dibuat ulam atau dimasak. Sayur-sayuran mengandungi tenaga elektrik yang tersendiri yang boleh menyumbang kesihatan kepada pemakannya.
- Makanan yang diproses tanpa pengawet atau pewarna.
- Buah-buahan segar, kerana buah-buahan mengandungi nutrisi yang banyak.
- Makanan yang dimasak oleh orang yang diyakini kesucian dan kesolehannya.
- Memakan dalam kuantiti yang berpada iaitu tidak terlalu banyak sehingga menyebabkan kekenyangan yang berlebihan kerana terlalu kenyang juga boleh mengakibatkan mengantuk dan kurang produktif. Akibatnya pemakan cenderung untuk tidur dan menyebabkan makanan kurang hadam yang boleh mengakibatkan penyakit.
- Makanan yang berkhasiat seperti nasi, biskut, roti, lauk-pauk dan sayur-sayuran. Elakkan memakan makanan yang tidak berkhasiat seperti makanan ringan yang tidak mengandungi khasiat, sebaliknya mempunyai kandungan garam dan perasa yang tinggi.



Oleh itu, adik-adik semua, menjaga kesihatan adalah sebahagian daripada ibadah kerana tubuh-badan kita hanyalah pinjaman Allah SWT kepada kita untuk kita menjaganya dengan baik dan beramal soleh dengannya. Sekian wallahu'l'am.



Panahan Kilat

Untuk pengetahuan adik-adik, pengertian kilat mengikut Kamus Pelajar Bahasa Malaysia ialah cahaya yang kelihatan memancar di langit sebelum guruh berbunyi. Di Malaysia, kejadian ribut petir merupakan satu fenomena biasa yang berlaku sepanjang tahun. Setiap ribut petir yang menghasilkan kilat ini berpotensi untuk membunuh manusia, haiwan dan mematikan tumbuh-tumbuhan.

Apakah Kilat?

Kilat merupakan nyahcas elektrik di ruang atmosfera yang sering berlaku ketika ribut petir dan kadangkala semasa letusan gunung berapi atau ribut debu. Dalam nyahcas keelektrikan atmosfera, perintis kilat mampu bergerak selaju 60 000 meter sesaat. Kilat boleh terjadi sama ada di dalam awan, dari awan ke awan ataupun di antara awan dengan permukaan bumi dan sering diiringi oleh guruh. Biasanya kejadian fenomena ini kerap menyambar di luar kawasan hujan lebat dan berlaku 16 kilometer dari kawasan hujan.

Adik-adik tahukah bahawa udara yang berhampiran dengan kilat menjadi panas dengan boleh mencapai suhu kepanasan melebihi 30 000 °C. Ini adalah lima kali panas daripada permukaan matahari. Haba ini menyebabkan udara mengembang dengan amat pantas daripada kelajuan bunyi dan ia menghasilkan bunyi guruh.

Jenis-jenis Kilat

Di dalam awan - Jenis kilat yang paling lazim, berlaku hasil nyahcas dasar awan kumulonimbus beras negatif ke bahagian atas yang beras positif. Oleh kerana ia berlaku di dalam awan, kilat jenis ini selalunya tidak kelihatan jika berlaku pada waktu siang.

Antara dua awan - Berlaku di antara dua awan yang berbeza cas elektriknya, maka laluannya kelihatan melintang antara awan-awan tersebut.

Awan ke bumi - Jenis kilat yang kedua paling lazim, berlaku akibat nyahcas dasar awan kumulonimbus beras negatif ke bumi, serta menjadi ancaman terbesar kepada nyawa dan harta benda.

Bumi ke awan - Berlaku apabila bumi melepaskan cas elektrik ke awan kumulonimbus melalui laluan menegak ke atas.

Kilat positif - Berlaku hasil nyahcas bahagian atas awan yang beras positif terus ke bumi. Oleh itu, kilat positif menghasilkan voltan yang lebih tinggi daripada kilat negatif awan ke bumi serta lebih berbahaya daripada kilat awan ke bumi yang lazim. Kilat ini jarang berlaku, dengan hanya membentuk 5% daripada jumlah keseluruhan kilat yang berlaku.

Kilat kering - Istilah ini digunakan bagi kilat yang berlaku semasa ribut petir yang tidak menghasilkan hujan yang mencecah ke bumi. Sebenarnya di dalam kes ribut petir sebegini hujan sememangnya turun, tetapi tersejat semasa melalui lapisan udara yang sangat kering berhampiran tanah.

Kilat roket - Bentuk nyahcas awan, lazimnya melintang dan berlaku pada tapak awan, dengan satu alur cahaya terang yang mara merentasi udara dengan kepentasan yang boleh dikira. Ia mendapat namanya kerana penghasilannya boleh dibandingkan dengan sebuah roket. Ia adalah salah satu jenis nyahcas awan yang jarang berlaku.

Kilat bebola - Bebola berbahaya yang terapung semasa ribut petir. Ia boleh bergerak pantas, perlahan, ataupun tidak bergerak langsung. Ada yang menghasilkan bunyi berdesir atau berdentum dan ada pula yang tidak menghasilkan bunyi langsung. Beberapa kilat bebola diketahui telah melalui tingkap dan lenyap dengan dentuman kuat.

Info Kilat

Adik-adik, mengapakah kilat diikuti petir?

- Kilat merupakan percikan elektrik yang besar manakala petir merupakan bunyi yang dihasilkan ekoran berlakunya kilat. Fenomena ini berlaku serentak tetapi pada tahap kelajuan yang berbeza. Lazimnya, adik-adik akan melihat kilat dahulu kemudian baru diikuti oleh bunyi petir. Hal ini berlaku kerana bunyi mempunyai pergerakan lebih lambat berbanding dengan pergerakan cahaya.
- Bunyi petir berlaku disebabkan oleh kilat yang memanaskan molekul-molekul di sepanjang percikan cahaya, kemudian molekul yang panas tadi akan mengembang dan berlanggar dengan molekul yang sejuk, akhirnya menghasilkan dentuman yang kuat.



Doa Agar Dapat Mengawal Diri daripada Sifat **PANAS BARAN**

اللَّهُمَّ بَرِّدْ قَلْبِي بِالثَّلْجِ، وَالْبَرَدِ، وَالْمَاءِ
الْبَارِدِ، اللَّهُمَّ نَقِّ قَلْبِي مِنَ الْخَطَايَا، كَمَا
نَقَيْتَ التَّوْبَ الْأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ.

Maksudnya: "Ya Allah, sejukkanlah hatiku dengan salji, kesejukan dan air yang sejuk. Ya Allah bersihkanlah hatiku daripada dosa-dosa sebagaimana Engkau membersihkan baju yang putih daripada kekotoran."

(Hadith riwayat at-Tirmidzi)



Bagaimana **PAKAIAN** Dibuat?

Pernahkah adik-adik bayangkan, bagaimana manusia pada zaman dahulu berpakaian? Mari kita ikuti sejarahnya.

Pakaian daripada kulit haiwan

Adik-adik, pada zaman dahulu, manusia membuat pakaian dengan menggunakan kulit haiwan. Kulit haiwan itu digosok dengan batu yang tajam supaya halus. Kemudian kulit itu dipotong dan dijemur. Apabila sudah kering, kulit itu akan dijahit dengan jarum daripada tulang.

Memintal benang

Manusia menemui teknik memintal benang pula. Benang tersebut diperbuat daripada bulu kambing biri-biri yang dipintal dengan menggunakan tangan. Cara seperti ini sangat lambat. Selepas itu manusia menemui pula cara menenun benang untuk dijadikan sehelai kain. Alat yang mereka gunakan sangat sederhana.

Mesin pintal moden

Pada masa kini, benang dan kain dibuat di kilang-kilang. Bahan yang digunakan ada pelbagai jenis. Ada yang dibuat daripada kapas, sutera dan juga bahan kimia. Cara pembuatan kain di kilang sangat cepat kerana menggunakan mesin canggih.



Kapas merupakan salah satu bahan asas yang penting. Kapas dipintal menjadi benang. Mesin pintal moden dapat memintal beribu-ribu benang sekali gus. Benang-benang itu digulungkan pada gelendong yang berputar dengan sangat cepat. Benang pula ditenun menjadi lembaran kain. Kain boleh dibuat dengan pelbagai jenis warna dan corak. Terdapat mesin khusus yang memberi warna dan corak tersebut.

Kain Sutera

Pernahkah adik-adik mendengar dan melihat kain sutera? Kain sutera adalah antara jenis kain yang menjadi kesukaan kaum perempuan. Kain itu diperbuat daripada serat ulat sutera. Bahannya sangat lembut. Harganya pun sangat mahal. Walaupun kain sutera ini sangat disukai oleh kaum perempuan kerana materialnya yang lembut dan sejuk apabila dipakai, namun Rasulullah SAW telah melarang kaum lelaki memakai kain sutera ini.

Benang Nilon

Tentu adik-adik berasa hairan, bolehkah pakaian diperbuat daripada benang nilon? Sedangkan yang adik-adik tahu kebiasaannya benang nilon ini digunakan untuk membuat tali raket badminton dan tali jala. Untuk makluman adik-adik, nilon dibuat daripada campuran arang batu dan minyak yang dipanaskan bersama udara dan air. Benang nilon juga boleh ditenun menjadi pakaian, jaket dan sarung kaki.


Sumber: Ensiklopedia Kanak-kanak Muslim, Tahun 2006, Jilid 15, Teknologi,
Terbitan ARAS MEGA (M) SDN. BHD.



PERMULAAN HIJRAH RASULULLAH SAW

Khyra dan Khyri sedang menonton sambil menyanyi mengikut lagu di dalam televisyen. Kemudian ibunya datang dari dapur membawa air oren dan biskut.





Maksudnya,
kalau tahun Masihi kita
sambut tahun baru pada satu
Januari, tahun Hijrah pula
kita sambut pada
1 Muharam.

Sekali gus, kita
sambut sekali dengan
peristiwa hijrah Nabi,
sempena nama tahun
Hijrah itu sendiri.

Betul.
Tetapi tahu ke
berapa tahun Hijrah
sekarang?

Tidak tahu.

Maksudnya, sudah
1438 tahun selepas
Nabi berhijrah?

Sekarang
kita berada
dalam
tahun 1438
Hijrah.

Betul.
Pandai anak-
anak ibu.



Menyingkap Rahsia di Sebalik Perbuatan

Nabi Khidir AS meneruskan kata-katanya, "Ketahuilah hai Musa bahawa kerosakan bahtera yang kita tumpangi itu adalah bertujuan untuk mengelak atau menyelamatkannya daripada diambil oleh seorang raja yang zalim yang sedang mengejar di belakang bahtera itu. Sedangkan bahtera itu sendiri adalah dimiliki oleh fakir miskin yang digunakan untuk mencari rezeki menyara kehidupan mereka sehari-hari. Dengan membocorkannya sepertimana yang kau lakukan pada bahtera tersebut, raja yang zalim itu tentunya akan menganggap ia sebagai bahtera yang rosak. Maka perbuatanku pada zahirnya adalah merosakkan milik orang namun tujuannya adalah untuk menyelamatkan hak milik tuannya daripada dirampas sewenang-wenangnya."

"Manakala tentang budak yang kubunuh itu tujuannya adalah untuk menyelamatkan kedua orang tuanya daripada gangguan anak derhaka tersebut. Sedangkan kedua ibu bapanya adalah seorang Mukmin, soleh dan bertakwa kepada Allah SWT. Aku khuatir mereka akan melakukan kesesatan dan hal-hal yang tidak baik akibat dorongan anak yang derhaka itu. Oleh itu, aku harapkan dengan kematiannya Allah SWT akan mengurniakan zuriat lain sebagai pengganti berupa anak yang soleh dan berjasa kepada kedua ibu bapanya."

"Sedangkan mengenai dinding rumah yang kubaiki dan kutegakkan kembali itu sebenarnya di bawah rumah itu tertanam harta peninggalan milik kedua orang anak yatim piatu itu. Bapa mereka adalah orang yang soleh dan ahli ibadah yang Allah menghendaki agar warisan yang ditinggalkan itu sampai ke tangan kedua orang anaknya dengan selamat iaitu apabila mereka meningkat dewasa sebagai ganjaran bagi ayah mereka yang soleh dan bertakwa itu."

"Demikianlah wahai Musa seandainya itu yang engkau mahu kehendaki dan sangat ingin ketahui iaitu tentang tujuan-tujuan perbuatan yang telah aku lakukan yang pada anggapanmu amat buruk dan tidak wajar sama sekali. Semua yang kulakukan ini bukanlah atas kehendakku sebenarnya tetapi atas tuntutan wahyu Allah kepadaku."

Begitulah adik-adik, kisah yang diceritakan ini sebenarnya ada tercatat di dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Kahfi ayat 60 hingga 82. Adik-adik boleh membacanya untuk lebih jelas. Antara pengajaran yang boleh diambil daripada kisah ini ialah:

- Sehebat manapun ilmu seseorang itu, masih ada lagi orang yang lebih hebat daripadanya.
- Kesabaran amat penting dalam setiap urusan terutamanya dalam menuntut ilmu. Walaupun Nabi Musa AS telah berjanji akan bersabar dalam menuntut ilmu daripada Nabi Khidir AS, ternyata fitrah manusia yang sentiasa ingin tahu dan kurang sabar, Nabi Musa AS telah melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Nabi Khidir AS sehingga menyebabkan mereka berakhir di situ sahaja.
- Jangan mengharapkan balasan yang cepat daripada setiap usaha yang kita lakukan.
- Sifat amanah amat penting iaitu apabila kita sanggup untuk menerima sesuatu, maka kita perlu amanah terhadapnya. Di sini terdapat dua bentuk amanah, contohnya amanah terhadap syarat-syarat yang telah dipersetujui dan amanah Nabi Khidir AS yang sangat berpegang teguh dalam melaksanakan perintah Allah SWT. Kesabaran dan amanah ini merupakan asas kejayaan bagi seseorang penuntut untuk memperoleh ilmu yang berkesan buat dirinya.
- Ikhlas, yakin dan taat. Nabi Khidir AS ikhlas dalam melaksanakan perintah Allah SWT. Setiap perintah dilakukan bukan mengikut kehendak atau kepentingan diri, tidak ragu-ragu ataupun memikirkan kebarangkalian lain. Semuanya dilakukan semata-mata kerana Allah SWT. Sikap sebegini amat penting bagi menjaga hati kita supaya sentiasa berada dalam landasan yang benar apabila melakukan sesuatu kerana Allah SWT. Tidak wajar bagi kita mempersoalkan sesuatu yang diperintahkan atau disyariatkan Allah SWT kepada kita, meskipun kita tidak menyukai atau senang dengan perkara tersebut. Sesungguhnya Allah SWT yang lebih mengetahui baik dan buruk segala sesuatu dan tidaklah Allah SWT mensyariatkan sesuatu melainkan demi kebaikan hamba-hamba-Nya.
- Berbaik sangka. Setiap perkara yang dilakukan oleh seseorang yang soleh dan baik akhlaknya pasti ada hikmah dan rahsia di sebalik perbuatan tersebut. Kita jangan mudah berburuk sangka terhadap mereka kerana hidayah Allah SWT sentiasa dekat dengan orang yang selalu taat dan mengerjakan perintah serta menjauhi larangan-Nya.



1. **Assalamualaikum, ustazah. Saya ingin bertanya apakah hukum membaca al-Quran di rumah dengan tidak memakai tudung terutamanya bagi kaum wanita?**

Waalaikumussalam. Menutup aurat bagi kaum wanita adalah wajib apabila berada di luar rumah. Ketika membaca al-Quran di rumah, kita dituntut memakai pakaian yang menutup aurat, berada di tempat elok dan kedudukan yang elok sesuai dengan ketinggian al-Quran tersebut. Namun tidaklah wajib menutup aurat sebagaimana menutup aurat seperti di luar rumah, sekadar memakai pakaian yang sopan.

2. **Assalamualaikum. Ustazah, apakah hukum sekiranya seseorang membatalkan puasa sunat apabila ada kenduri atau jamuan makanan pada hari tersebut?**

Waalaikumussalam. Dalam hal ini, kita dibenarkan membuka puasa sekiranya terdapat jamuan atau kenduri kerana Rasulullah SAW sendiri menganjurkan kita berbuat demikian. Ini berdasarkan sebuah hadith Rasulullah SAW yang bersabda: "Suatu hari Rasulullah keluar dan berkata, 'Saya sedang berpuasa.' Lalu aku berkata kepada Baginda, 'Wahai Rasulullah, ada orang yang memberi hais kepada kita.' Baginda berkata, 'Bawa ke sini, sebenarnya saya sudah berniat puasa.' Kemudian Baginda pun makan."

(Hadith riwayat Muslim)



3. **Assalamualaikum. Apakah hukum solat jemaah dan siapakah yang harus melakukan solat jemaah tersebut?**

Hukum solat jemaah ialah fardu kifayah dan berjemaah solat Jumaat hukumnya fardu ain. Manakala orang yang harus melakukan solat jemaah ialah kaum lelaki. Namun begitu, tidak salah bagi kaum wanita untuk solat berjemaah bersama lelaki. Tuntutan utama ialah kepada kaum lelaki yang mempunyai peluang dan kelapangan untuk melakukannya.



Misteri Ayam Beracun

Alif dan Nusaibah kemudiannya mula berjalan ke sekolah mereka yang terletak beberapa ratus meter dari situ. Sesudah Alif dan Nusaibah agak jauh meninggalkan gerai itu, Pakcik Johari berpaling ke arah Rezan.

"Budak apa yang awak bawa ke gerai saya, ini?" soal Pakcik Johari.

"Apa maksud pak cik?" Rezan kurang selesa dengan soalan yang dikemukakan oleh Pakcik Johari.

"Yalah, kenapa awak bawa budak yang suka berceramah?" soal Pakcik Johari yang tidak suka dinasihati oleh individu yang jauh lebih muda daripadanya.

"Dia itu memang begitu, pak cik. Tapi dia rajin dan baik, pak cik," balas Rezan yang cuba mempertahankan Alif.

"Mmm... Yah, setakat ini, kerja dia memang bagus," ujar Pakcik Johari.

Pakcik Johari meneruskan, "Jangan dia asyik hendak bersyarah, sudah."

Rezan hanya mendiamkan diri mendengar kata-kata Pakcik Johari itu. Dua puluh minit kemudian, Alif dan Nusaibah kembali daripada menunaikan solat zuhur. Selepas bersolat tadi, mereka berdoa kepada Allah agar memberikan hidayah kepada Pakcik Johari.

"Assalamualaikum, pak cik. Kami sudah balik," kata Alif.

"Waalaikumussalam," jawab Pakcik Johari.

"Sekarang, bolehlah pak cik dan Abang Rezan pergi bersolat," kata Nusaibah.

"Mari, pak cik," ajak Rezan.

"Awak pergilah dahulu. Pak cik pergi sekejap lagi," balas Pakcik Johari.

"Saya fikir, elok pak cik pergi sekarang. Nanti terlepas waktu Zuhur," Alif mengingatkan Pakcik Johari waktu yang makin berlalu.

"Tidak apa, ada masa lagi. Nanti pak cik pergilah," kata Pakcik Johari.

Selepas mendengar Pakcik Johari berkata demikian, Adam terus mendiamkan dirinya. Tetapi dalam hatinya, dia berdoa agar Allah mengurniakan petunjuk kepada Pakcik Johari.

Rezan masih tercepat di situ apabila Pakcik Johari terus sahaja melayan pelanggan yang datang.

"Eh, Rezan... Awak tidak bersolatkah?" soal Alif.

"Mmm... Malaslah, Alif. Saya tidak mahu pergi seorang diri," jawab Rezan.

"Awak takut?" Alif tersenyum kecil.

Rezan yang pantang dicabar berkata, "Eh, tidaklah! Bukan takut!"

"Habis itu?" Alif memandang ke arah Nusaibah yang sedang membantu Pakcik Johari.

"Saya malaslah jika hendak solat seorang diri," Rezan memberikan alasan.

"Jika begitu, biar saya ikut awak," itulah tawaran daripada Alif.

"Buat apa awak hendak ikut saya? Bukankah awak sudah bersolat?" Rezan hairan.

"Tidak apa... biar saya temankan awak," Alif mengulangi tawarannya.

"Ah, saya tidak perlukan teman. Saya bukannya pengecut," balas Rezan dengan tegas.

Rezan tidak mahu dirinya nanti dianggap sebagai pengecut, lebih-lebih lagi di depan seorang budak perempuan, Nusaibah.

"Apalah awak ini, Zan. Bila masa saya kata yang awak ini pengecut. Saya cuma hendak temankan awak supaya awak tidak kesunyian," kata Alif.

"Yakah?" soal Rezan.

"Ya," pendek jawapan daripada Alif.

"Jika begitu, baiklah," Rezan bersetuju.

Alif terus mengalihkan pandangannya ke arah Pakcik Johari, lalu berkata, "Pak cik, saya dan Rezan pergi ke surau sebentar, ya."

"Eh, bukankah awak sudah bersolat?" Pakcik Johari berasa kaget.

"Saya hendak temankan Zan, pak cik. Tidak apalah, pak cik. Sementara kami pergi, Saiba boleh tolong pak cik," ujar Alif.

"Mmm... Baiklah," Pakcik Johari menjawab.

"Elok juga budak itu temankan si Zan. Jika tidak, aku rasa bersalah jika Zan tidak bersolat," detik hati Pakcik Johari.

Maka, Alif sekali lagi pergi ke surau sekolahnya. Kali ini, bukan bersolat, tetapi menemani Rezan yang tadinya mencipta seribu macam alasan tidak bersolat.

Sementara menunggu Rezan bersolat, Alif memanfaatkan masa dengan membaca al-Quran. Dalam diam, Alif sebenarnya sudah mula menghafal beberapa surah pendek dalam kitab suci itu. Sesudah bersolat, Rezan berpaling ke arah Alif, "Mari."

Alif tersenyum, lalu bertanya, "Awak tidak berdoakah?"

Alif meneruskan, "Elok awak berdoa selepas bersolat."

"Mmm... Yalah," jawab Rezan, lalu terus mengangkat tangan berdoa.

Namun begitu, berbeza dengan Alif dan Nusaibah yang berdoa untuk kesejahteraan di dunia dan akhirat, Rezan lebih mengutamakan hal-hal dunia dalam doanya. Doanya juga tidak termasuk doa untuk kesejahteraan kedua ibu bapa, seperti yang selalu didoakan oleh Alif dan adiknya.

Selepas itu, Alif dan Rezan berjalan kembali ke gerai Pakcik Johari. Kelihatan Pakcik Johari dan Nusaibah sedang mengemaskan barang-barang apabila Alif dan Rezan tiba di situ.

"Kenapa kemas sekarang, pak cik? Belum pukul lima lagi," kata Alif.

"Tidak apalah. Ini hari pertama bagi awak semua. Pak cik tidak mahu 'dera' awak semua teruk-teruk," Pakcik Johari melayangkan senyuman kepada Alif.

"Mmm... terima kasih, pak cik," jawab Alif.

Alif, Rezan dan Nusaibah gembira kerana pada hari itu, mereka dapat pulang awal.

"Ha, apa yang awak berdua berdiri lagi itu? Tolonglah pak cik dan Saiba kemaskan gerai," arah Pakcik Johari.

"Oh ya, maafkan kami, pak cik," Alif membala.

Alif segera berjalan ke depan gerai bagi mengemas kerusi dan meja. Rezan mengangkat bekas-bekas lauk dan memasukkannya ke dalam van Pakcik Johari.

Lima belas minit kemudian, semuanya sudah siap dikemas.

"Wah, cepat betul awak semua bekerja, ya! Bagus!" puji Pakcik Johari.

"Itulah namanya semangat kerjasama," kata Pakcik Johari lagi.

Pakcik Johari mengelap peluh di dahinya, lalu berkata, "Mmm... Alif, ke sini sekejap."

"Ya, pak cik?" Alif mendatangi Pakcik Johari.

"Masa untuk gaji!" Pakcik Johari mengeluarkan dompetnya.

Mata Alif bersinar-sinar kerana itulah gaji pertamanya.

"Seperti yang pak cik janjikan, gaji awak hari ini lebih sedikit kerana awak menjaga amanah," ujar Pakcik Johari.

Pakcik Johari kemudiannya menyerahkan wang gaji Alif. Pada masa itu, Alif berasa hairan kerana Pakcik Johari begitu menjaga amanah, sedangkan solat diringan-ringankannya.

Selepas itu, tiba giliran Rezan dan Nusaibah mendapat gaji mereka.

"Besok, kita jumpa di sini jam 7.30 pagi, ya," Pakcik Johari mengingatkan para pekerjanya.

"Insya-Allah, pakcik," jawab Alif dan Nusaibah serentak.

"Okey," Rezan mengangkat ibu jarinya, tanda thumbs up.

Bersambung.....

Motivasi & Inspirasi



Motivasi Hebat Bersama Abang Ashadi

Oleh: Ashadi Zain

E-mel: ashadizain@gmail.com

Facebook: Ashadi Zain Penulis

ERTI SEBENAR MAAL HIJRAH

Kenapa hari ini kita bercuti sekolah ya, Abang Ashadi?

Oh, hari ni kita menyambut Maal Hijrah atau tahun baru dalam kalendar Islam. Adik tahu apa itu Maal Hijrah?

Tidak, bang. Maal Hijrah tu apa, ya. Kenapa kita sambut Maal Hijrah?

Sebenarnya, hari ini adalah hari kebesaran dalam Islam. Ia disambut sebagai memperingati peristiwa Nabi Muhammad SAW dan umat Islam yang berhijrah dari Mekah ke Madinah pada tahun 622 Masihi. Peristiwa ini berlaku pada 1 Muharam. Tarikh itu menandakan bermulanya kalendar Islam.

Jadi, adakah Maal Hijrah disambut sempena kedatangan tahun baharu semata-mata?

Ia lebih daripada tu, dik. Hijrah membawa maksud berubah daripada keburukan kepada kebaikan. Jadi, apabila kita sambut Maal Hijrah, kita juga mesti bersemangat bagi berubah daripada yang kurang baik kepada yang lebih bermakna untuk diri dan masyarakat.

Abang Ashadi, boleh tak kita sambut Maal Hijrah dengan bermain mercun dan bunga api?

Bagus soalan adik ni. Sebagai umat Islam yang mencari keredhaan Allah SWT, kita tidak digalakkan melakukan perbuatan yang tidak membawa sebarang manfaat, seperti bermain mercun dan bunga api. Bahkan, perbuatan itu mengundang bahaya dan membazir wang ringgit sahaja.

Bagaimana pula dengan azam baru, bang. Bolehkah saya tanam azam baru sempena Maal Hijrah?

Pandai adik abang ni. Kita dapat tanam azam pada bila-bila masa. Tetapi kalau adik nak sematkan azam baru sempena Maal Hijrah, tiada salahnya. Umat Islam yang berjaya adalah umat yang berani berubah dan sanggup berkorban, termasuk membuang tabiat lama yang kurang baik seperti malas belajar, enggan mendong sesama insan dan hiburan melampau.



Mengajak Kebaikan dengan Berhijrah

Adik-adik, apakah yang dimaksudkan dengan hijrah? Pernahkah adik-adik mendengar perkataan hijrah? Berhijrah bermaksud berpindah atau berubah menjadi lebih baik. Orang yang berhijrah bertujuan meninggalkan dan menjauhkan diri daripada kejahanatan sama ada kejahanatan orang lain atau kejahanatan diri sendiri. Yakni kita perlu berpindah kepada suasana yang mudah bagi kita untuk melakukan perubahan dan perkara baik. Sesuai dengan hadith Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: "*Orang yang berhijrah adalah orang yang meninggalkan kejahanatan dan menjauhinya.*"

(Hadith riwayat Ibnu Majah dan Hakim)

Adik-adik, mari hayati kisah teladan daripada peristiwa hijrah Nabi SAW dan orang-orang Islam Mekah. Apabila orang-orang kafir Quraisy di Mekah berterusan mengganggu dan menyeksa orang-orang Islam, Nabi Muhammad SAW memerintahkan mereka berpinah ke Habsyah. Kemudian, apabila orang kafir berterusan menzalimi orang Islam, Nabi memerintahkan mereka berpindah ke Madinah.

Nabi Muhammad SAW dan Abu Bakar as-Siddiq juga terpaksa berhijrah ke Madinah bagi mengelakkan ancaman kafir Quraisy yang merancang membunuhnya. Untuk pengetahuan adik-adik, kalender Islam dimulakan sempena peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW ke Madinah.

Adik-adik, mari kita ikut cara Nabi. Apakah yang perlu adik-adik lakukan apabila adik-adik mahu meninggalkan tabiat suka menangguh kerja? Pertama sekali adik-adik hendaklah insaf akan kesilapan yang adik-adik lakukan. Kemudian berazam memperbaiki diri tidak mahu lagi membuang masa dengan melakukan kerja-kerja yang tidak berfaedah seperti berseronok dengan kawan-kawan sehingga mengabaikan pelajaran. Adik-adik hendaklah mula mencari kawan-kawan yang sentiasa mengambil berat tentang pelajaran dan yang selalu menasihati kita supaya berubah menjadi lebih baik.

Adik-adik, jom kita amati kata-kata hikmah ini, hijrah yang paling mulia ialah daripada kafir kepada Islam.



TOLONG-MENOLONG AMALAN MULIA

Assalamualaikum.
Sudah makan?



Adakah adik-adik menolong ibu memasak di rumah?



Sama ada adik-adik lelaki atau perempuan, membuat kerja rumah tiada sekatan jantina, ya.



Menyapu, membasuh pinggan, membuat sampah atau melipat kain?



Jangan kerana adik-adik lelaki, adik-adik tidak perlu membantu ibu bapa.

Mulakan hari ini. Bantu ibu bapa mengemas rumah.



Tentu mereka seronok dan berbangga dengan adik-adik yang rajin membantu.





Indahnya Keperibadian Rasulullah SAW

Nabi Muhammad SAW merupakan penutup para Nabi dan Rasul-rasul Allah SWT. Baginda mempunyai keperibadian yang sungguh indah yang boleh dijadikan sebagai panduan hidup umat Islam. Terdapat beberapa perkara yang berkaitan dengan sunah Rasullullah SAW yang boleh dijadikan panduan hidup.

1. Cara Rasulullah SAW berjalan

Ada disebutkan dalam beberapa riwayat, Rasulullah SAW apabila berjalan, jalannya laju seperti sedang menuruni anak bukit, badannya condong ke hadapan dan menekan pada kaki kiri. Pandangannya hanya ke bumi menunjukkan bahawa Baginda terlalu tawaduk. Sayidina Ali RA juga pernah meriwayatkan:

"Bahawa apabila Rasulullah berjalan bergoyang badannya seperti sedang menuruni anak bukit."

(Hadith riwayat at-Tirmidzi dan Hakim)

2. Cara Rasulullah SAW menyikat rambut

Baginda menyikat rambut ke kanan dan akan mula menyikat daripada kanan kepala. Aisyah RA meriwayatkan:

"Rasulullah suka mendahulukan anggota tubuh yang kanan ketika bersuci (tharah, menyikat rambut dan memakai selipar atau kasut."

(Hadith riwayat at-Tirmidzi, Bukhari, Muslim, Abu Daud, Ibnu Majah dan Ahmad)

3. Uban Rasulullah SAW

Sewaktu Baginda wafat, di kepalanya hanya mempunyai 14 helai uban manakala di janggutnya terdapat 20 helai uban. Ubannya berwarna merah kerana diinai.

4. Pakaian Rasulullah SAW

Baginda SAW gemar memakai qamis iaitu kemeja berlengan panjang seta labuh sehingga ke betis dan jubah ala Roman yang sempit lengannya.

5. Minyak wangi Rasulullah SAW

Minyak wangi bagi lelaki ialah minyak yang berbau harum dan tidak berwarna, manakala bagi wanita pula pelbagai warna tetapi tidak berbau. Minyak wangi adalah satu daripada sunah Nabi SAW. Para Malaikat suka berdamping dengan orang yang memakai minyak wangi. Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Uthman al-Nahdi bahawa Nabi SAW bersabda:

"Apabila salah seorang daripada kamu diberikan minyak wangi maka dia tidak boleh ditolak kerana sesuatu yang wangi itu dari syurga."

(Hadith riwayat oleh at-Tirmidzi)

Sumber: Biografi Agung Rasulullah SAW, Rusydi Ramli al-Jauhari, Mustread Sdn. Bhd., 2012.



Jom Hijrah

Tahun baharu 1438H telah tiba. Sudah lebih seribu empat ratus tahun sejarah penghijrahan Nabi Muhammad SAW terus diingati saban tahun. Adik-adik sudah tentu sedikit sebanyak mengetahui sejarah ini daripada ibu bapa, program-program yang diadakan di sekolah serta bahan-bahan bacaan lain.

Peristiwa hijrah iaitu perpindahan Nabi SAW dan umat Islam dikala itu adalah sejarah besar dalam kalendar Islam. Hari ini peristiwa itu diingati. Ya, ia adalah sejarah. Tiada lagi perpindahan seumpama itu pada hari ini. Tetapi kita mengambil pengajaran daripada sejarah itu. Jika adik-adik perhatikan sejarah itu, Rasulullah SAW dan umat Islam yang lain berpindah daripada seksaan masyarakat jahiliah kepada sebuah bandar lain untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik.

Imam Shafie rahimahullah pernah berkata, ada tiga sebab seseorang itu berjalan jauh iaitu: pertama, berjalan kerana mencari ilmu; kedua, berjalan kerana mencari rezeki; dan ketiga berjalan kerana meninggalkan sesuatu tempat kerana agama. Jom kita fahami apa yang dimaksudkan dengan sebab-sebab ini.

Pertama, berjalan kerana mencari ilmu. Tuhukah adik-adik, mencari ilmu bukan di sekolah kita sahaja? Malah kita boleh mencari ilmu melalui pengembalaan. Ada banyak perkara yang boleh kita pelajari apabila kita mula berhijrah. Contohnya, apabila adik-adik dewasa kelak, adik-adik boleh memilih untuk belajar di luar negara. Ketika itu, kita bukan sahaja belajar ilmu baharu di sekolah, tetapi kita bakal pelajari suasana kehidupan baharu, mengenali orang-orang sekeliling yang baharu, budaya dan cara hidup yang berbeza dan mungkin juga bahasa yang berbeza.

Kedua, berhijrah kerana mencari rezeki. Menjadi lumrah untuk kita berpindah daripada satu negeri ke negeri yang lain di dalam Malaysia. Ada di antara kita yang terpaksa berpindah beberapa kali dalam tempoh lima tahun kerana ibu bapa kita mendapat peluang pekerjaan di tempat lain. Pekerjaan itulah ruang rezeki untuk adik-adik sekeluarga. Tidak mustahil, suatu hari nanti, adik-adik juga akan berpindah keluar negara atas urusan kerja. Ini adalah peluang yang baik untuk kita mengenali dunia baharu. Kita tidak boleh duduk setempat sahaja untuk mendapatkan sumber kewangan yang lebih baik.

Ketiga, berjalan kerana meninggalkan sesuatu tempat demi agama. Ada antara kita yang tidak mendapat peluang menjalankan tanggungjawab agama dengan baik di sesuatu tempat. Ada sahabat-sahabat kita yang sentiasa ditindas untuk melakukan ibadah. Contohnya, di Perancis, ada sahabat-sahabat perempuan yang dilarang untuk bertudung. Manakala sahabat-sahabat kita di Syria sering kali diancam dengan letupan bom akibat pergolakan masyarakat di sana. Ini menyebabkan seseorang itu terpaksa meninggalkan tempatnya demi mencari tempat yang lebih baik untuk meneruskan kehidupan dan menjalankan tanggungjawab sebagai seorang Islam.

Lihatlah adik-adik, situasi-situasi seumpama ini menjelaskan penghijrahan boleh membawa kepada kebaikan. Penghijrahan Rasulullah SAW dari kota Mekah ke kota Madinah menjadi pengajaran kepada kita bahawa untuk lebih berjaya, kita perlu berusaha, tidak takut kepada suasana baharu, bergerak dan tinggalkan suasana yang tidak selesa dan bersedia menghadapi sesuatu yang baharu.

Salam Maal Hijrah untuk adik-adik semua.



Maafkan Saya, Ibu!

Pemandangan pada pagi itu sungguh tenang dan nyaman. Kedengaran bunyi ayam berkокok di belakang rumah. Bermulalah musim cuti sekolah bagi anak-anak di Malaysia.

Ehsan masih belum bangun daripada tidurnya. Sudah puas ibunya mengejutkannya untuk bangun pagi, tetapi tetap diteruskan tidurnya. "Ehsan, bangunlah sayang. Bangun sayang, nanti rezeki tak masuk kalau bangun lambat."

"Ibu... Ehsan ngantuklah ibu..." rengek Ehsan di atas katil.

"Bangunlah Ehsan. Mari tolong ibu jaga adik-adik atau tolong ibu buat kerja rumah."

"Malaslah ibu. Lebih baik Ehsan tidur. Boleh mimpi macam-macam. Sekarang kan musim cuti... Jadi Ehsan nak tidur puas-puaslah ibu." Puan Azizah tidak mampu lagi untuk memujuk Ehsan. Ehsan seorang anak yang baik tetapi sedikit pemalas. Pening Puan Azizah dengan kerenahnya dan adik-adiknya di rumah. Diharapkan Ehsan sebagai anak sulung dapat membantunya di rumah dan mengurus adik-adiknya namun tidak seperti yang diharapkan.

"Azizah... Ayah tengok wajah kamu pucat sahaja. Mengapa?"

"Mungkin penat sikit kot, ayah."

"Jagalah kesihatan kamu, Azizah. Kamu sahaja tonggak utama dalam keluarga kamu sekarang. Sejak pemergian arwah suami kamu, ayah tengok kamu semakin kurang menjaga kesihatan kamu. Kerja berat-berat dan tidur tak menentu..." luah Pak Mail kepada anaknya, Azizah.

"Nak buat macam mana, ayah. Anak-anak semua masih kecil lagi."

"Kamu kena nasihatkan Ehsan. Ajarkan dia rasa bertanggungjawab walaupun dia masih kecil lagi. Minta pertolongan dia untuk membantu kamu di rumah."

"Sudah puas Azizah nasihatkan, ayah. Tapi begitu juga keadaannya. Biarlah ayah, dia masih kecil lagi."

Ehsan memerhatikan ibunya di ruang menonton televisyen. Dia melihat wajah ibunya yang kelihatan pucat.



Kemudian, dia berpaling kembali menonton televisyen. Dibiarkan ibunya melipat pakaian yang banyak sendirian sambil membuaikan adiknya.

Tiba-tiba, ibunya pengsan. Kain yang dilipat terlepas di atas permukaan lantai. Ehsan terkejut sambil menjerit, "Ibu!" Ehsan berlari mendapatkan ibunya.

"Ibu... Bangun ibu..." Ehsan cemas. Cepat-cepat dia mendapatkan datuknya. Tidak lama kemudian, datuknya datang lalu melihat keadaan anaknya yang terkulai layu itu.

"Ehsan... Telefon ambulans sekarang..." seru Pak Mail.

"Baik, atuk!"

Tidak lama kemudian, ambulans pun sampai. Puan Azizah dibawa ke hospital ditemani oleh Ehsan dan jururawat di dalam ambulans. Tanpa disedari, air mata Ehsan tumpah. "Ibu... Maafkan Ehsan, ibu. Ibu... Bangunlah ibu."

Hasil pemeriksaan doktor mendapati bahawa Puan Azizah tiada menghidap sebarang penyakit. Puan Azizah hanya keletihan dan kurang berehat. Ehsan menarik nafas lega.

"Ibu... Maafkan Ehsan, ya ibu. Ehsan janji Ehsan tidak mahu malas lagi."

"Ehsan janji, kan. Ehsan akan tolong ibu di rumah dan tak malas lagi. Bukan setakat rajin tolong ibu, tetapi rajin belajar juga untuk masa depan Ehsan. Nanti kalau ibu sudah tiada, siapa nak jaga adik-adik. Jadi Ehsan kena belajar daripada sekarang."

"Ehsan menyesal ibu. Sempena tahun baharu ini, Ehsan janji Ehsan tak akan malas belajar dan bantu ibu di rumah. Ehsan sayang ibu. Ehsan tak nak ibu sakit."


Puan Azizah terharu dengan ketulusan hati anak sulungnya itu. Ehsan berazam akan menghijrahkan diri untuk menjadi anak yang lebih soleh, taat, bertanggungjawab dan rajin. Dia sudah pun mengerti bahawa tugas seorang ibu dan suri rumah itu bukanlah tugas yang mudah bahkan sungguh memenatkan dan meletihkan.



CUTI YANG MEMBERI PAHALA

Fabel





Keesokan harinya.



Qittah, kita di mana?



Kita di masjid. Kita dengar ceramah tentang Maal Hijrah. Sempena cuti Maal Hijrah, apa salahnya kita gunakan peluang hadir ke majlis ilmu? Setidak-tidaknya, cuti itu adalah cuti yang memberi pahala. Berbanding sekadar lepak cuci mata. Terdedah kepada dosa mata dan mengumpat pula.

CERAMAH
MAAL HIJRAH
OLEH
UST AZHAR

Jamal dan Asad pun menangis insaf.






تکا سیلغ کات

ایسی فیق ۲ کو سوچ دعن


منجاویکن ٹرکاناعن رومی دباوه:

1. ANSAR.
2. MADINAH.
3. MAKKAH.
4. HIJRAH.
5. YATHRIB.
6. ABU BAKAR.
7. THUR.
8. MUHAMMAD.
9. NABI.
10. ALI.
11. ISLAM.





لیہت راجه A دان B. کو دین بولکن فریذاعن دالم راجه :-

چاری بیدا



ثلاثة جاوي

أوليه: شين



ليهت اف كامي بوات؟



سلامت ميمبوت مع الهجرة!



ممباچ دان منوليس

کمودین

مالم

فرنکي

سوده

مکه

قوم

هيدوف

تمقت

ایسي رواغ کوسوغ دباوه برقندوکن فرکاناءن ۲ يع دبري:-

تتشعن مشرکين تق — ۲ * دعوهنبي سماکين ڦايه

لالو بکيندا مندافت فريته * ککوتا کمدينه — برهجره.

د — هاري برسام ابوبكر * دغۇن سېپ مريک گلوار

قوم مشرکين تيدق سدر * برسمبويي دكوا ثور.

اخيرن سمقاي — دتجو * قوم انصار سوده منوغىڭو

كدادتعن مريک ساعت دالو * اومن اسلام — برساتو.

مسلمين قوات سوده * رسول الله كمبالي كوتا مکه

بکيندا معواسائي بيت الله * آكام إسلام بركمبع — .



Tajuk: Mengenal Tahun Baru Islam

[认识新纪元的庆日 ren-shi xin-ji-yuan de qing-ri]

A. Perbualan 会话 hui-hua

1. a. yi-si-lan you shen-me qing-ri ?

伊斯兰 有 什么 庆日?

(Islam) (ada) (apa) (hari perayaan)

Apakah hari perayaan dalam Islam?

b. yi-si-lan you xin-ji-yuan de qing-ri.

伊斯兰 有 新纪元 的 庆日。

(Islam) (ada) (Tahun Baru Hijrah) (punya) (hari perayaan)

Dalam Islam ada perayaan Tahun Baru Hijrah.

2. a . Hua-ren qing-zhu nong-li xin-nian,

华人 庆祝 农历新年。

(Orang Cina) (meraikan) (Tahun Baru Cina)

Orang Cina meraikan Tahun Baru Cina,

b. Mu-si-lin qing-zhu xin-ji-yuan.

穆斯林 庆祝 新纪元。

(Muslim) (meraikan) (Tahun Baru Hijrah)

Muslim meraikan Tahun Baru Hijrah.

B. Perbendaharaan Kata 生字 Sheng Zi

qing-zhu

庆祝

meraikan / merayakan

qing ri

庆日

Hari Perayaan

yi-si-lan qing-ri

伊斯兰庆日

Hari Perayaan Islam

qing-ri

伊斯兰

Islam

yi-si-lan xing-ji-yuan

伊斯兰新纪元

Tahun Baru Hijrah

Mu-si-lin

穆斯林

Muslim

nong-li xing-nian

农历新年

Tahun Baru Cina

hua-ren

华人

Orang Cina

INGIN MELANGGAN MAJALAH PENDIDIK?

Adik-adik yang berminat untuk melanggan majalah PENDIDIK boleh menghantar:

1. Sampul surat beralamat sendiri.
2. Ukuran sampul surat adalah 32cm x 23cm (saiz A4)
3. Lekat setem RM1.00 bagi setiap sampul.
4. Tuliskan perkataan PENDIDIK di bahagian atas sebelah kiri sampul surat berkenaan.
5. Satu sampul surat hanya untuk satu keluaran sahaja (2 naskah)




Sila hantarkan sampul surat adik-adik kepada :

**Pengarang Majalah Pendidik,
Bahagian Penerbitan,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim),
Aras 4, Blok D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 Putrajaya.**

Tel: 03-8886 4000


Faks: 03- 8889 2046



Adik-adik ingin menambah kenalan? Adik-adik dapat berkenalan dan berhubung antara satu sama lain serta bertukar-tukar fikiran tentang pelajaran, memberi pendapat, nasihat dan sebagainya melalui ruangan ini. Adik-adik boleh menyertainya dengan mengisi borang dan sertakan sekeping gambar yang berukuran pasport.

Hantarkan borang adik-adik kepada:
**Pengarang,
Majalah Pendidik,
Bahagian Penerbitan,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),
Aras 4, Blok D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 Putrajaya.**

Nama:



Alamat:

Cita-cita:

Hobi:

E-mel:

Blog:



Borang Kaji Selidik Pembaca Pendidik

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERIBADI

Arahan : Sila pilih jawapan yang bersetujuan.

- | | | |
|--|---|--|
| 1. Umur: | 4. Bangsa: | 5. Pendidikan: |
| <input type="checkbox"/> <6 tahun <input type="checkbox"/> 7-9 tahun <input type="checkbox"/> Melayu | <input type="checkbox"/> 10-12 tahun <input type="checkbox"/> >12 tahun <input type="checkbox"/> Cina | <input type="checkbox"/> Sekolah Berasrama Penuh |
| | <input type="checkbox"/> India | <input type="checkbox"/> Sekolah Kebangsaan |
| 2. Jantina: | <input type="checkbox"/> Bumiputera Sabah | <input type="checkbox"/> Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina/Tamil) |
| <input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan | <input type="checkbox"/> Bumiputera Sarawak | <input type="checkbox"/> Sekolah Rendah Islam |
| 3. Agama: | <input type="checkbox"/> Bumiputera Semenanjung | <input type="checkbox"/> Tadika KEMAS |
| <input type="checkbox"/> Islam <input type="checkbox"/> Bukan Islam | <input type="checkbox"/> Lain-lain | <input type="checkbox"/> Tadika Swasta |
| | | <input type="checkbox"/> Lain-lain |

BAHAGIAN B: KANDUNGAN MAJALAH PENDIDIK

Arahan : Sila pilih jawapan yang bersetujuan.

1. Sila tandakan kandungan yang paling digemari dalam majalah Pendidik:

<input type="checkbox"/> Dari Meja Pengarang	<input type="checkbox"/> Khyra & Khyri	<input type="checkbox"/> Karya Pembaca
<input type="checkbox"/> Mutiara Hadith	<input type="checkbox"/> Kisah Nabi	<input type="checkbox"/> Fabel
<input type="checkbox"/> Fardhu Ain/Kifayah: Belajar Tauhid	<input type="checkbox"/> Soal Jawab Agama	<input type="checkbox"/> Saya Suka Baca Jawi
<input type="checkbox"/> Fardhu Ain/Kifayah: Adab Islamiah	<input type="checkbox"/> Novel Bersiri	<input type="checkbox"/> Belajar Mandarin
<input type="checkbox"/> Fardhu Ain/Kifayah: Tafsirul Quran	<input type="checkbox"/> Motivasi & Inspirasi	<input type="checkbox"/> Teka Silangkata
<input type="checkbox"/> Ulul Albab: Anatomi/Perubatan	<input type="checkbox"/> Tip Adik Hebat	<input type="checkbox"/> Permainan IQ
<input type="checkbox"/> Ulul Albab: Sains Teknologi & Alam Sekitar	<input type="checkbox"/> Bersama Kak Kusyi	<input type="checkbox"/> Peraduan Mewarna
<input type="checkbox"/> Tahukah Adik-adik	<input type="checkbox"/> Cinta Rasul	<input type="checkbox"/> Poster (muka belakang)
	<input type="checkbox"/> Pedoman	
2. Dari manakah anda memperoleh majalah Pendidik?

<input type="checkbox"/> Kaunter Jualan Jakim	<input type="checkbox"/> Langganan	<input type="checkbox"/> Lain – lain
<input type="checkbox"/> Program Jakim	<input type="checkbox"/> Masjid	
3. Bagaimanakah anda mengetahui mengenai majalah Pendidik?:

<input type="checkbox"/> Keluarga	<input type="checkbox"/> Media	<input type="checkbox"/> Laman sosial	<input type="checkbox"/> Lain – lain
<input type="checkbox"/> Rakan	<input type="checkbox"/> Enjin carian	<input type="checkbox"/> Pameran / Ekspo	
4. Tujuan anda membaca majalah Pendidik:

<input type="checkbox"/> Mendapatkan ilmu pendidikan Islam untuk kanak-kanak	<input type="checkbox"/> Membaca komik	<input type="checkbox"/> Kulitnya menarik
<input type="checkbox"/> Rujukan bantu mengajar	<input type="checkbox"/> Lain-lain	

Arahan untuk soalan 5-10 : Sila pilih jawapan yang sesuai berdasarkan skala yang dinyatakan di bawah

Skala	JAWAPAN	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Memuaskan	Setuju	Sangat Setuju
	SKOR	1	2	3	4	5

5. Anda sangat suka majalah Pendidik:

<input type="checkbox"/> 5	<input type="checkbox"/> 4	<input type="checkbox"/> 3	<input type="checkbox"/> 2	<input type="checkbox"/> 1
----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------
6. Kekerapan keluaran majalah Pendidik (dua bulan sekali):

<input type="checkbox"/> 5	<input type="checkbox"/> 4	<input type="checkbox"/> 3	<input type="checkbox"/> 2	<input type="checkbox"/> 1
----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------
7. Ketebalan majalah Pendidik (40 muka surat):

<input type="checkbox"/> 5	<input type="checkbox"/> 4	<input type="checkbox"/> 3	<input type="checkbox"/> 2	<input type="checkbox"/> 1
----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------
8. Kandungan bahan sentiasa terkini:

<input type="checkbox"/> 5	<input type="checkbox"/> 4	<input type="checkbox"/> 3	<input type="checkbox"/> 2	<input type="checkbox"/> 1
----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------
9. Reka bentuk dan atur huruf yang menarik:

<input type="checkbox"/> 5	<input type="checkbox"/> 4	<input type="checkbox"/> 3	<input type="checkbox"/> 2	<input type="checkbox"/> 1
----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------
10. Kandungan majalah boleh digunakan sebagai rujukan:

<input type="checkbox"/> 5	<input type="checkbox"/> 4	<input type="checkbox"/> 3	<input type="checkbox"/> 2	<input type="checkbox"/> 1
----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------	----------------------------
11. Mohon cadangkan penambahbaikan untuk majalah Pendidik

Hantarkan borang kepada:- Majalah Pendidik, Bahagian Penerbitan, Jakim, Aras 4, Blok D9, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Teka Silang Kata



					1				
2		3		4				5	
				6					
						7			
						8			9
10									
					11				
12									
					13				

Nama:

Alamat:

.....
.....

Tel: Umur:

Nombor SB/KP:

No Akaun Bank:

Bank dan Cawangan Bank:

* Kecuali Tabung Haji.

* Sila tulis nombor telefon dan nombor akaun untuk urusan penghantaran hadiah.

MELINTANG

4. Tahun Islam
6. Bermaksud harta (Bahasa Arab)
8. Penyuluhan hidup
10. Sifat wajib bagi Rasul
11. Kitab yang diturunkan kepada Nabi Daud AS
12. Ibu Nabi Ishak AS
13. Pemberian di dalam Islam

MENEGAK

1. Pintu masuk kepada kehidupan abadi
2. Orang yang membaca khutbah
3. Nama seorang pemuda yang dijadikan nama surah di dalam al-Quran tetapi beliau bukan nabi
4. Gelaran Nabi Muhammad SAW kepada isteri baginda Aisyah RA
5. Jawatan orang yang paling berkuasa di mahkamah
7. Wajib bermalam di _____ apabila menuaikan haji
9. Ibadah di Mekah

SYARAT PERADUAN

1. Peraduan ini terbuka kepada kanak-kanak yang berumur dari 7 hingga 12 tahun sahaja.
2. Peserta boleh menghantar lebih dari satu penyertaan. Bagaimanapun, peserta yang dipilih hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
3. Borang penyertaan hendaklah diisi dengan HURUF BESAR dan tulisan yang kemas.
4. Penyertaan hendaklah sampai kepada pengarang selewat-lewatnya sebelum keluaran Pendidik yang akan datang.

Hantarkan penyertaan adik-adik kepada:

**PERADUAN TEKA SILANGKATA (Isu 2, 2016), Majalah Pendidik, Bahagian Penerbitan, Jakim,
Aras 4, Blok D9, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.**





Tema: Maal Hijrah



Nama:

Alamat:
.....
.....

Tel: Umur:

Nombor SB/KP:

No Akaun Bank:

Bank dan Cawangan Bank:

- * Kecuali Tabung Haji.
- * Sila tulis nombor telefon dan nombor akaun untuk urusan penghantaran hadiah.

Hantarkan penyertaan adik-adik kepada:

**PERADUAN MEWARNA (Isu 2, 2016), Majalah Pendidik, Bahagian Penerbitan, Jakim,
Aras 4, Blok D9, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.**

cari saya

Permainan
Uji IQ



Terdapat tujuh benda yang tersembunyi pada gambar di bawah.
Kawan-kawan, mari kita cari benda yang tersembunyi itu.



- huruf D
- garfu
- cawan
- kuali
- senduk



Mengenal Suku Kata


Lengkapkan perkataan di bawah.



b g



s g



t g

m g



Permainan Uji IQ



Perhatikan gambar di bawah,
cari tiga perbezaan pada gambar b.

a



b



Buku Terbitan JAKIM

Biodata Penulis


Kusyi Hirdan atau nama penuh beliau ialah Raja Nur Qurshiyah Bt Raja Hirdan dilahirkan pada 16 Januari 1969 di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak.

Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Raja Perempuan Muzwin bermula dari tahun 1 hingga tahun 6. Kemudian menyambung persekolahan di Sekolah Menengah Raja Perempuan Kelsom. Seterusnya beliau menyambung pengajian di Bedford Girls College dalam bidang Secretarial Studies and Intermediate dalam kursus English For Business Communications.

Beliau memulakan minat dalam penulisan dengan menulis cerpen dan puisi, Kusyi Hirdan semakin bersemangat apabila karyanya tersiar di majalah Nona, Jelita, Perempuan, Citra, Wanita dan Seri Dewi & Keluarga. Menulis sudah sebatи dengan jiwanya.

Selain aktif menulis novel, Kusyi Hirdan juga bekerjaya sebagai wartawan. Kini sebagai penulis penyumbang untuk akhbar Harian Metro di ruangan meja wanita. Sepanjang kerjaya di dunia kewartawanan dan penulisan, Kusyi telah dianugerahi; Hadiah Kewartawanan Terbaik (Bahasa Melayu) 2002, dan Singapore Tourism Award-Penulis Artikel Terbaik (Bahasa Melayu) 2005. Pertandingan Menulis Skrip Berunsur Islam anjuran IKIM-hadiah saguhati,serta Anugerah Sastera Perdana 2010 novel kanak-kanak-Umairah & Kuda Putih.

Setakat ini Kusyi Hirdan sudah menulis lebih dari 36 novel yang meliputi novel umum, remaja, kanak-kanak dan sains fiksyen.



Info Buku

ISBN 978-983-0425-18-4

Cetakan Pertama: 2013

Kategori: Kanak-kanak

Tebal: 170 halaman

Harga: RM35.00



Hubungi kami dan dapatkan naskhah anda di:

Unit Promosi, Bahagian Penerbitan, Jakim,
Aras 1, Blok D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 W.P. Putrajaya.
Tel: 03-8886 4575
E-mel: promosi@islam.gov.my



Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,
Lot 4, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,
No. 25, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Present 3, 62100 W.P. Putrajaya.
Tel: 03-8890 3669
E-mel: kedaibuku@islam.gov.my

